

GARIS PANDUAN PERANCANGAN JPBD 13/97

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

PERUMAHAN PEKERJA KILANG



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997
Cetakan Kedua 1999
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-28-5

KDN : BP/301/22 JLD. 19 SEM/2.

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.
Tel : 03-2989211 Fax : 03-2929994

Dicetak oleh:
Misas Advertising
NO. 7, Jalan 6/23E,
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel/Fax: 03-40242004

Harga : RM30.00

-6 OCT 2003
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01113478

KATA ALU-ALUAN

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Semenanjung Malaysia



Kemudahan perumahan (accommodation facilities) adalah satu keperluan asas kepada penduduk sesuatu kawasan khususnya kepada pekerja kilang. Sejak kebelakangan ini, isu perumahan pekerja kilang semakin ketara akibat dari pertambahan bilangan pekerja-pekerja. Pertambahan ini telah menimbulkan beberapa masalah sosial di kalangan masyarakat.

Penyediaan perumahan pekerja kilang yang bersepadu dengan pembangunan industri diharap dapat menangani masalah seperti kos sewa rumah yang tinggi, keselamatan dan pelbagai masalah sosial yang lain. Menyedari hakikat ini Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan satu garis panduan yang merangkumi pelbagai aspek perancangan seperti konsep perumahan, saiz serta keperluan sokongannya berasaskan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat kearah pembentukan Masyarakat Madani.

Garis panduan perancangan perumahan pekerja kilang yang dihasilkan ini adalah bagi kegunaan semua pihak terutamanya Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan yang melibatkan perumahan pekerja kilang.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya menghasilkan Garis panduan Perancangan Perumahan Pekerja Kilang ini.


DATU PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD

(D.P.M.T., J.M.N., J.S.M., S.M.T., K.M.N., A.S.K.)

ISIKANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 TUJUAN	1
2.0 LATAR BELAKANG	1
3.0 MATLAMAT	2
4.0 PRINSIP PERANCANGAN	2
5.0 DASAR PERANCANGAN	3
6.0 GARIS PANDUAN PERUMAHAN PEKERJA KILANG DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SECARA BERSEPADU	4

Senarai Jadual

Jadual 1: Konsep Susunatur Perumahan Pekerja Kilang	9
---	---

Senarai Rajah

Rajah1: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang – Konsep Hostel (Domitori)	11
Rajah 2: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang Konsep Bedsiter	12
Rajah 3: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang Konsep Kejiranan	13
Rajah 4: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang Konsep Perkampungan	14

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN PEKERJA KILANG

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu Pihakberkuasa Negeri dan Pihakberkuasa Perancang Tempatan dalam meluluskan permohonan pembangunan industri dari aspek perancangan perumahan pekerja kilang.

2.0 LATARBELAKANG

Malaysia telah mengalami kepesatan pembangunan di sektor industri sejak kebelakangan ini. Secara tidak langsung ia menarik ramai tenaga kerja terutama dikalangan belia ke kawasan perindustrian utama. Fenomena ini telah mengakibatkan masalah perumahan dan kemudahan untuk golongan tersebut. Di antara isu utama yang dihadapi adalah seperti berikut:

- i. Kawasan perumahan, perkampungan dan setinggan berhampiran kawasan perindustrian menjadi tempat tinggal pekerja-pekerja kilang;
- ii. Pekerja-pekerja kilang wanita tinggal di tempat-tempat tinggal yang tidak selamat;
- iii. Kos sewa rumah terlalu tinggi untuk pekerja-pekerja kilang;
- iv. Pekerja-pekerja kilang tidak diberi kemudahan tempat tinggal yang sempurna oleh majikan; dan
- v. Tiada komitmen sosial oleh majikan kepada pekerja-pekerjanya.

Garis panduan ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- i. Saiz minima kawasan industri untuk disyaratkan perumahan pekerja kilang;
- ii. Piawaian Perancangan perumahan pekerja kilang dan kemudahan asasnya; dan
- iii. Pelan susunatur untuk perumahan pekerja kilang.